

POLA NAFS DAN HUBUNGANNYA DENGAN SALAH LAKU REMAJA
DI SEBUAH SEKOLAH MENENGAH NEGERI MELAKA

MOHAMED AZRI BIN MOHAMED ZABIDI

Laporan Projek Ini di Kemukakan Sebagai
Memenuhi Sebahagian Daripada Syarat Penganugerahan
Sarjana Pendidikan (Bimbingan Dan Kaunseling)

Fakulti Pendidikan
Universiti Teknologi Malaysia

DISEMBER 2011

DEDIKASI

Teristimewa untuk insan-insan tersayang,
Untuk isteri tercinta, Sharifah Radiah Bt Mat Isa,
Dan anakandaku,
Nur Anisa Humairah Binti Mohamed Zabidi,
Yang banyak memahami, berkorban dan memberikan semangat,
Juga sebagai sumber inspirasiku,
Dan mengiringkan doa buatku agar tercapai kejayaan ini.
Untuk ayahanda dan bonda tercinta,
Mohamed Zabidi Bin Mat Nawawi dan Zaharah Binti Samat,
Semoga Allah S.W.T. mencucuri rahmat,
Serta memberikan kesihatan dan kerahmatan berpanjangan sehingga
ke alam syurga,
Untuk guru-guruku,
Untuk teman-teman seperjuangan,
Terima kasih di atas doa, bantuan dan sokongan daripada kalian,
Semoga Allah S.W.T membalas yang terbaik untuk kalian.

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang

Ucapan selawat serta salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, keluarga serta para sahabat baginda. Bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan berkat dan izinNya saya dapat menyempurnakan penyelidikan ini dengan baik.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada penyelia projek, Dr Faizah bt Abd Ghani atas bimbingan, panduan dan masa yang telah diberikan sepanjang tempoh penyediaan projek ini. Terima kasih juga diucapkan kepada pensyarah-pensyarah Falkulti Pendidikan amnya dan Jabatan Kaunseling yang banyak memberikan ilmu dan didikan sepanjang penyelidikan ini dilakukan. Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada ibu bapa, isteri tercinta dan teman-teman yang banyak memberikan dorongan dan semangat sepanjang penyelidikan ini dilakukan. Hasil berkat doa semua pihak akhirnya penyelidikan ini dapat disempurnakan dengan jayanya. Diharapkan penyelidikan yang dilakukan ini dapat memberikan manfaat dan kebaikan kepada semua pihak. Akhir kata jutaan terima kasih yang tidak terhingga buat semua.

ABSTRAK

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji pola nafs dan hubungannya dengan salah laku remaja di salah sebuah sekolah menengah negeri Melaka. Kajian ini merupakan kajian korelasi. 88 responden yang terdiri daripada 33 pelajar lelaki dan 47 pelajar perempuan. Soal Selidik Nafsu yang dibina oleh Norshelida (2010) yang mempunyai nilai Cronbach Alpha 0.918 dan Soal Selidik Salah Laku Remaja yang dibina oleh Mohamed Azri (2011) telah digunakan dalam kajian ini. Data dianalisis dengan menggunakan Statistical Package For The Social Sciences (SPSS) versi 15.0. Analisis deskriptif menunjukkan pola nafs Rodhiah merupakan pola nafsu yang paling tinggi dimiliki oleh remaja di Sekolah Menengah Bukit Katil Melaka dengan min 3.24 diikuti dengan nafs Mutmainnah dengan min 3.03, nafs Mulhimah dengan min 3.02, nafs Lawwamah dengan min 2.84 dan nafs Ammarah dengan min 2.25. Selain itu dapatan kajian juga menunjukkan salah laku menipu merupakan salah laku yang tertinggi dengan min 1.42 diikuti dengan salah laku kurang sopan dengan min 1.33. Ini diikuti oleh salah laku ponteng dengan min 1.15, salah laku biadap dengan min 1.08, salah laku musnah dengan min 1.07 dan salah laku lucah berada pada tangga yang paling rendah iaitu dengan min 1.02. Analisis Inferensi pula menunjukkan terdapat hubungan signifikan antara nafs Ammarah dengan salah laku biadap dengan nilai signifikan $p=0.016$, salah laku kurang sopan dengan nilai signifikan $p=0.008$, salah laku ponteng dengan nilai signifikan $p=0.000$. Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara Nafs Lawwamah dengan salah laku ponteng dengan nilai signifikan $p=0.008$.

ABSTRACT

This study aims to examine patterns of nafs and its relationship to juvenile delinquency in a secondary school in Malacca. This research is a correlation study. Studies was the carried out on 80 form two students; 33 boys and 47 girls. This study uses a two questionnaire. This study was done with a Nafs Questionnaire developed by Norshelida (2010) with a Cronbach Alpha 0.918 values and Misconduct Questionnaire developed by Mohamed Azri (2011). The data were analyzed using Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) version 15.0. The findings of the descriptive analysis shows a pattern that indicates Rodhiah nafs is the highest desire as owned by young people in Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Katil with a mean of 3.24. The pattern of the second highest desire is nafs of Mutmainnah with a mean of 3.03. This is followed by nafs pattern of Mulhimah with a mean of 3.02. The fourth pattern of the nafs belongs to Lawwamah with a mean of 2.84. While the lower pattern is the nafs and desires of Ammarah with a mean of 2.25. Fraudulent misconduct is the highest misconducts with a mean of 1.42. The second highest misconduct with a mean of 1.33 is being impolite. This was followed by playing truant misconduct with a mean of 1.15. Misconduct in the fourth place is rude misconduct with a 1.08 mean. While the fifth is misconduct is the vandalism with a 1.07 mean. Obscene misconduct is at the lowest ladder with a mean of 1.02. The correlation analysis has shown the significant relationship between nafs of Ammarah with rude misconduct with a significant value of $p = 0016$, irreverent misconduct with a significant value $p = 0.008$, misconduct or absenteeism with a significant value $p = 0.000$. Mean while nafs of Lawwamah has shown a significant relationship with absenteeism misconduct with a significant value of $p = 0.008$.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	Pengesahan Status Tesis	
	Halaman Judul	i
	Halaman Pengakuan	ii
	Pengesahan Penyelia	iii
	Halaman Dedikasi	iv
	Halaman Penghargaan	v
	Abstrak	vi
	Abstract	vii
	Halaman Kandungan	ix
	Senarai Jadual	xiv
	Senarai Rajah	xvii
	Senarai Simbol/Singkatan	xviii

I PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Masalah	6
1.3	Pernyataan Masalah	9
1.4	Objektif Kajian	11
1.5	Persoalan Kajian	12
1.6	Hipotesis Kajian	12
1.7	Kerangka Model Kajian	15
1.8	Kepentingan Kajian	16
1.9	Skop dan Batasan Kajian	18
1.10	Definisi konsep dan Operasional	19
1.11	Penutup	24

II SOROTAN KAJIAN LEPAS

2.1	Pegenalan	26
2.2	Konsep Nafsu	26
2.3	Teori Behaviorisme	30
2.4	Kajian Dalam Negara	32
2.5	Kajian Luar negara	44

III METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	45
3.2 Reka Bentuk Kajian	46
3.3 Populasi Kajian dan Tempat Kajian	47
3.4 Kaedah Persampelan	49
3.5 Instrumen Kajian	49
3.5.1 Bahagian A Demografi Sampel	49
3.5.2 Bahagian B	50
3.5.3 Bahagian C: Salahlaku Remaja	51
3.6 Prosedur Kajian	53
3.7 Kebolehpercayaan dan kesahan Insrumen	53
3.8 Analisis Data	53
3.9 Penutup	54

IV DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan	55
4.2 Analisis Deskriptif Latar belakang Responden	56
4.2.1 Umur	56
4.2.2 Jantina	56
4.2.3 Bangsa	57
4.2.4 Tinggal dengan Siapa	57
4.3 Analisis Deskriptif Pola Nafs	58
4.3.1 Pola nafs Ammarah	59
4.3.2 Pola nafs Lawwamah	62
4.3.3 Pola nafs Mulhimah	67
4.3.4 Pola nafs Mutmainnah	71

4.3.5 Pola nafs Rodiah	75
4.4 Analisis Deskriptif Salah laku	79
4.5 Analisi Infrensi Hubungan Antara Pola Nafs dengan Salah Laku Remaja	81
4.5.1 Hubungan Antara Pola Nafs Amarah Dengan Salah Laku Biadap	82
4.5.2 Hubungan Antara Pola Nafs Amarah Dengan Salah Laku Kurang Sopan	83
4.5.3 Hubungan Antara Pola Nafs Amarah Dengan Salah Laku Musnah	84
4.5.4 Hubungan Antara Pola Nafs Amarah Dengan Salah Laku Menipu	85
4.5.5 Hubungan Antara Pola Nafs Amarah Dengan Salah Laku Ponteng	86
4.5.6 Hubungan Antara Pola Nafs Amarah Dengan Salah Laku Lucah	87
4.5.7 Hubungan Antara Pola Nafs Lawwamah Dengan Salah Laku Biadap	88
4.5.8 Hubungan Antara Pola Nafs Lawwamah Dengan Salah Laku Kurang Sopan	89
4.5.9 Hubungan Antara Pola Nafs Lawwamah Dengan Salah Laku Musnah	90
4.5.10 Hubungan Antara Pola Nafs Lawwamah Dengan Salah Laku Menipu	91
4.5.11 Hubungan Antara Pola Nafs Lawwamah Dengan Salah Laku Ponteng	92
4.5.12 Hubungan Antara Pola Nafs Lawwamah Dengan Salah Laku Lucah	93
4.5.13 Hubungan Antara Pola Nafs Mulhimah Dengan Salah laku Biadap	94

4.5.14 Hubungan Antara Pola Nafs Mulhimah Dengan Salah Laku Kurang Sopan	95
4.5.15 Hubungan Antara Pola Nafs Mulhimah Dengan Salah Laku Musnah	96
4.5.16 Hubungan Antara Pola Nafs Mulhimah Dengan Salah Laku Menipu	97
4.5.17 Hubungan Antara Pola Nafs Mulhimah Dengan Salah Laku Ponteng	98
4.5.18 Hubungan Antara Pola Nafs Mulhimah Dengan Salah Laku Lucah	99
4.5.19 Hubungan Antara Pola Nafs Mutmainnah Dengan Salah Laku Biadap	100
4.5.20 Hubungan Antara Pola Nafs Mutmainnah Dengan Salah Laku Kurang Sopan	101
4.5.21 Hubungan Antara Pola Nafs Mutmainnah Dengan Salah Laku Musnah	102
4.5.22 Hubungan Antara Pola Nafs Mutmainnah Dengan Salah Laku Menipu	103
4.5.23 Hubungan Antara Pola Nafs Mutmainnah Dengan Salah Laku Ponteng	104
4.5.24 Hubungan Antara Pola Nafs Mutmainnah Dengan Salah Laku Lucah	105
4.5.25 Hubungan Antara Pola Nafs Rodhiah Dengan Salah Laku Biadap	106
4.5.26 Hubungan Antara Pola Nafs Rodhiah Dengan Salahlaku Kurang Sopan	107

4.5.27 Hubungan Antara Pola Nafs Rodhiah Dengan Salah Laku Musnah	108
4.5.28 Hubungan Antara Pola Nafs Rodhiah Dengan Salah Laku Menipu	109
4.5.29 Hubungan Antara Pola Nafs Rodhiah Dengan Salah Laku Ponteng	110
4.5.30 Hubungan Antara Pola Nafs Rodhiah Dengan Salah Laku Lucah	111
V PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN	
5.1 Pengenalan	112
5.2 Dapatan Analisis Deskriptif Maklumat Demografi Sampel	113
5.3 Dapatan Analisis Deskriptif Pola Nafs Remaja.	114
5.4 Dapatan Analisis Deskriptif Salah laku Remaja	121
5.5 Cadangan	122
5.5.1 Cadangan Kepada Ibumama	122
5.5.2 Cadangan Kepada Guru	123
5.5.3 Cadangan Kepada Guru Bimbingan & Kaunseling	124
5.5.4 Cadangan Kepada Kementerian Pelajaran Malaysia	124
5.5.5 Cadangan Kajian Lanjutan	125
5.5.6 Penutup	125
RUJUKAN	126
LAMPIRAN	130

SENARAI JADUAL

NO JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Penentuan sampel berdasarkan Krejcie dan Morgan	46
3.2	Pembahagian tem Bahagian A	49
3.3	Taburan Item Bagi Soal Selidik Nafs	50
3.4	Jadual Skala Lima Mata Pola Nafs	51
3.5	Jadual Jenis-Jenis Salahlaku Remaja	52
4.1	Taburan Kekerapan dan Peratusan Responden Mengikut Umur	56
4.2	Taburan kekerapan Dan Peratusan Responden Mengikut Jantina	56
4.3	Taburan kekerapan dan Peratusan Responden Mengikut Bangsa	57
4.4	Taburan kekerapan dan Peratus Responden Tinggal dengan Siapa	57
4.5	Pola Nafs	58
4.6	Analisis Deskriptif Taburan Kekerapan, Peratus, Min dan Sisihan Piawai Mengikut Jenis Pola Nafs	59
4.7	Analisis Deskriptif Taburan Kekerapan, Peratus, Min dan Sisihan Piawai Mengikut Jenis Pola Nafs	62
4.8	Analisis Deskriptif Taburan Kekerapan, Peratus, Min dan Sisihan Piawai Mengikut Jenis Pola Nafs	67
4.9	Analisis Deskriptif Taburan Kekerapan, Peratus, Min dan Sisihan Piawai Mengikut Jenis Pola Nafs	71
4.10	Analisis Deskriptif Taburan Kekerapan, Peratus, Min dan Sisihan Piawai Mengikut Jenis Pola Nafs	75

4.11	Taburan Kecepatan, Peratus, Min dan Sisihan Piawai Salah laku Remaja	79
4.12	Analisis Hubungan Antara Pola Nafs Amarah Dengan Salah laku Biadap	80 82
4.13	Analisis Hubungan Antara Pola Nafs Amarah Dengan Salah laku kurang sopan	83
4.14	Analisis Hubungan Antara Pola Nafs Amarah Dengan Salahlaku musnah	84
4.15	Analisis Hubungan Antara Pola Nafs Amarah Dengan Salah laku menipu	85
4.16	Analisis Hubungan Antara Pola Nafs Amarah Dengan Salah laku ponteng	86
4.17	Analisis Hubungan Antara Pola Nafs Amarah Dengan Salah laku lucu	87
4.18	Analisis Hubungan Antara Pola Nafs Lawwamah Dengan Salah laku Biadap	88
4.19	Analisis Hubungan Antara Pola Nafs Lawwamah Dengan Salah laku kurang sopan	89
4.20	Analisis Hubungan Antara Pola Nafs Lawwamah Dengan Salah laku musnah	90
4.21	Analisis Hubungan Antara Pola Nafs Lawwamah Dengan Salah laku menipu	91
4.22	Analisis Hubungan Antara Pola Nafs Lawwamah Dengan Salah laku ponteng	92
4.23	Analisis Hubungan Antara Pola Nafs Lawwamah Dengan Salah laku lucu	93
4.24	Analisis Hubungan Antara Pola Nafs Mulhimah Dengan Salah laku bidap	94
4.25	Analisis Hubungan Antara Pola Nafs Mulhimah Dengan Salah laku kurang sopan	95
4.26	Analisis Hubungan Antara Pola Nafs Mulhimah Dengan Salah laku musnah	96
4.27	Analisis Hubungan Antara Pola Nafs Mulhimah Dengan Salah laku menipu	97

4.28	Analisis Hubungan Antara Pola Nafs Mulhimah Dengan Salah laku ponteng	98
4.29	Analisis Hubungan Antara Pola Nafs Mulhimah Dengan Salah laku lucah	99
4.30	Analisis Hubungan Antara Pola Nafs Mulhimah Dengan Salahlaku biadap	100
4.31	Analisis Hubungan Antara Pola Nafs mutmainah Dengan Salah laku kurang sopan	101
4.32	Analisis Hubungan Antara Pola Nafs mutmainah Dengan Salah laku musnah	102
4.33	Analisis Hubungan Antara Pola Nafs mutmainah Dengan Salah laku menipu	103
4.34	Analisis Hubungan Antara Pola Nafs mutmainah Dengan Salahlaku ponteng	104
4.35	Analisis Hubungan Antara Pola Nafs mutmainah Dengan Salah laku lucah	105
4.36	Analisis Hubungan Antara Pola Nafs mutmainah Dengan Salah laku biadap	106
4.37	Analisis Hubungan Antara Pola Nafs mutmainah Dengan Salah laku biadap	107
4.38	Analisis Hubungan Antara Pola Nafs Rodiah Dengan Salah laku kurang sopan	108
4.39	Analisis Hubungan Antara Pola Nafs Rodiah Dengan Salah laku musnah	109
4.40	Analisis Hubungan Antara Pola Nafs Rodiah Dengan Salah laku menipu	110
4.41	Analisis Hubungan Antara Pola Nafs Rodiah Dengan Salah laku ponteng	111
4.42	Analisis Hubungan Antara Pola Nafs Rodiah Dengan Salah laku lucah	112

SENARAI RAJAH

NO RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.7	Kerangka Model Kajian	15
3.1	Skala Skor Salah laku Remaja	52

SENARAI SINGKATAN

SMKKB	- Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Katil
SPSS	- Statistical Package For The Social Sciences
UTM	- Universiti Teknologi Malaysia

SENARAI LAMPIRAN

NO	TAJUK	MUKA SURAT
A	Borang Soal Selidik Kajian	131

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Umat manusia adalah makhluk Allah S.W.T yang paling mulia. Allah menciptakan manusia sebagai khalifah di muka bumi untuk membawa kemakmuran di dunia dan beribadat kepadaNya. Allah S.W.T telah berfirman bahawa “ Ingatlah ketika tuhanmu berfirman kepada para malaikat sesungguhnya Aku menjadikan seorang khalifah di muka bumi dan Dia mengajarkan Adam nama- nama seluruhnya ” (Surah Al-Baqarah ayat 30-31). Daripada firman Allah S.W.T ini membuktikan bahawa manusia yang pertama diciptakan oleh Allah S.W.T adalah nabi Adam dan kemudiannya menganugerahkan Hawa kepadanya sebagai pasangan hidup. Asas ciptaan manusia adalah terdiri daripada roh dan jasad. Kedua-dua unsur ini iaitu jasad dan roh haruslah seimbang di dalam diri manusia agar manusia tidak terumbang- ambing tanpa tujuan dan arah haluan yang benar (Abu Saufi, 2011). Allah telah menciptakan lelaki dan perempuan dengan begitu sempurna. Dijadikan manusia itu berpasang-pasangan agar manusia dapat hidup bersama-sama dengan aman dan damai. Penyatuan antara lelaki dan perempuan yang sah adalah melalui ikatan perkahwinan berlandaskan hukum Islam. Penyatuan ini akan membentuk sebuah kekeluargaan. Sesebuah rumah tangga atau ikatan perkahwinan yang dibina berlandaskan ajaran agama Islam yang sah akan mendapatkan keredhaan dan keberkatan dari Allah S.W.T. Hasil

keberkatan dan keredhaan Allah maka lahirlah anak-anak remaja yang soleh dan akan membesar menjadi insan yang berguna kepada bangsa, agama dan negara apabila dewasa nanti.

Telah tercatat dalam sejarah Islam, berkenaan banyaknya jasa remaja Muslim sejak zaman Nabi Muhammad S.A.W. Hal ini dapat dikuktikan dengan kehebatan Usamah ibn Zaid yang berusia 18 tahun telah dilantik oleh Rasulullah sebagai pemimpin tentera untuk menyerang wilayah Syam yang pada ketika itu di bawah jajahan takluk empayar Rom. Begitu juga dengan Mus'ab ibn Umayr yang mana beliau adalah seorang remaja yang kacak dan terdiri dari remaja yang mempunyai kesenangan hidup serta mendapat perhatian para wanita Makkah tetapi beliau mati syahid dalam peperangan Uhud dalam keadaan jubahnya yang singkat. Kesyahidan beliau ditangisi oleh Baginda S.A.W yang melihat keadaanya yang sanggup dipinggirkan keluarga kerana mempertahankan Islam dan membela nabi Muhammad S.A.W. Nabi Muhammad S.W.T juga telah berjaya melahirkan remaja yang beriman dan berwibawa. Pada era Rasulullah S.W.T usaha menggembleng potensi remaja diteruskan dengan lebih teratur. Melalui tarbiah Islamiah yang menyeluruh, Baginda berjaya melahirkan remaja hebat dan terbilang seperti Mua'z bin Jabal, Musa'b bin Umayr, Zaid bin Harithah, Ali bin Abi Talib, Usamah bin Zaid, Abdullah bin Umar dan ramai lagi. Selain itu, setelah zaman Rasulullah, Imam asy-Syafi'e juga merupakan pemimpin masyarakat dengan menyampaikan ilmu agama sejak berusia 15 tahun lagi.

Kehebatan remaja pada zaman Rasulullah dan zaman tabiin jelas menunjukkan tentang pentingnya peranan remaja sebagai pemangkin kepada suatu kampung jemaah, kelompok dan negara (Muhammad Nur Abdullah, 2006). Namun, kehebatan remaja kini semakin merosot berbanding dengan kehebatan remaja pada zaman Rasulullah. Hal ini dapat dibuktikan dengan keterlibatan remaja dalam masalah sosial seperti seks bebas, mengandung anak luar nikah, kes pembuangan bayi rempit, penyalahgunaan dadah, buli, mencuri, merompak, minum arak dan merogol.

Remaja pada hari ini dikatakan tidak mempunyai jati diri yang kukuh dalam diri mereka. Mereka mudah terpengaruh dengan rakan-rakan dan keadaan persekitaran dunia pada hari ini. Mereka seolah-olah lupa kepada pegangan agama Islam yang dianuti sejak mereka masih kecil lagi. Remaja pada hari ini ramai yang lalai dan seolah-olah melupakan ajaran dan didikan ibu bapa mereka. Hal ini dapat dibuktikan berdasarkan banyak kes rogol yang membabitkan remaja. Berdasarkan statistik Majlis Wanita dan Keluarga Sarawak (MWKS) pada tahun 2011 menunjukkan, daripada 67 kes rogol yang berlaku sejak Januari hingga Jun, 40 kes atau 60 peratus mangsa ialah remaja pada usia 16 tahun dan sekali gus menimbulkan kebimbangan semua pihak. Ketika mendedahkan perkara ini, Menteri di Pejabat Ketua Menteri, Datin Fatimah Abdullah berkata menyatakan pada tahun 2010 sebanyak 200 kes rogol direkodkan dengan 139 atau 70 peratus daripada mangsanya adalah remaja. Beliau berkata, daripada segi peratusan atau jumlah remaja menjadi mangsa kerakusan lelaki, tidak banyak berubah khususnya pada tahun 2009 dan tahun 2010 apabila merekodkan 141 daripada 206 kes rogol keseluruhan. Begitu juga pada 2008 apabila 70 daripada 145 kes membabitkan golongan remaja.

Pergaulan yang bebas dan tidak mengira batas-batas agama, telah menyebabkan ramai remaja yang meminum arak. Mereka menjadikan arak sebagai minuman rutin harian mereka sehinggakan ada yang tidak segan silu meminum minuman keras di hadapan khalayak ramai. Remaja beranggapan meminum minuman keras menjadi trend masa kini dan berasa bangga dengan perbuatan mereka itu. Hal ini dibuktikan berdasarkan Ops Mungkar yang dilakukan oleh Jabatan Agama (JAIS) di Petaling Jaya telah menahan seramai 23 remaja Melayu di dua buah Premis yang berlainan. Daripada yang ditahan, Sepuluh dari mereka didapati minum arak. Exco Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam, Adat-Adat Melayu, Infrastruktur dan Kemudahan Awam Negeri, Datuk Dr. Hasan Ali berkata, operasi itu dibuat ekoran banyak pusat hiburan menganjurkan sambutan menyambut tahun baru selain pihaknya menerima banyak aduan mengenai aktiviti itu. Operasi yang diketuai oleh Hasan sendiri di mana operasi itu bermula dari 12 tengah malam hingga 3 pagi itu memberitahu kesemua yang ditahan akan diberi kaunseling khas di Pejabat JAIS Shah Alam. Difahamkan

kesemua yang ditahan, adalah pelajar institusi pengajian tinggi tempatan yang berusia antara 18 hingga 35 tahun (Shahril Shaid, 2012).

Keterlibatan remaja dalam gejala sosial ini adalah dipengaruhi oleh hawa nafsu yang tidak dapat ditampung kerana pada peringkat ini remaja gemar mencuba sesuatu perkara dan mudah terikut-ikut serta terpengaruh dengan rakan-rakan serta persekitaran selain lebih menyukai keseronokan dan hiburan tanpa memikirkan kesan-kesan dan akibat pada masa hadapan sehingga melupakan tanggungjawab sebagai seorang hamba Allah S.W.T. Kenyataan ini dapat dibuktikan berdasarkan firman Allah S.W.T dalam surah Maryam iaitu:

﴿ فَخَلَفَ مِنْ بَعدِهِمْ خَلْفٌ أَضَاعُوا الصَّلَاةَ وَاتَّبَعُوا الشَّهَوَاتِ ۖ فَسَوْفَ يَلْقَوْنَ عَذَابًا ﴾

Maksudnya “ Kemudian mereka digantikan oleh keturunan yang buruk yang mencuaikan solat dan menurut hawa nafsu dengan melakukan maksiat, maka mereka akan menghadapi azab di dalam neraka”, (Surah Maryam, ayat 58).

Firman ini membuktikan kepada kita bahawa setiap perbuatan maksiat adalah dipengaruhi oleh hawa nafsu yang buruk. Apabila ketahanan diri amat rapuh dalam jiwa, hati dengan begitu mudah terdorong kepada pujukan hawa nafsu yang hanya menyuruh kepada perbuatan yang keji dan mungkar, (Pahrol Mohamad Juoi, 2011).

Nafsu adalah keinginan semulajadi manusia yang tersirat di dalam akal fikirannya. Nafsu ialah suatu tempat berkumpulnya kekuatan amarah dan syawat iaitu keinginan dalam diri manusia. Di sinilah terkumpulnya sifat-sifat tercela dan sentiasa mendorong diri manusia ke arah kejahatan. Menurut ulama tasawuf membahagikan nafsu kepada beberapa peringkat. Ada yang membahagikan nafsu kepada tujuh bahagian, empat bahagian dan tiga bahagian. Nafsu terbahagi kepada dua iaitu nafsu yang baik dan nafsu yang buruk. Nafsu yang baik adalah nafsu yang berlandaskan dengan hati yang nurani serta menurut perintah-perintah dan larangan-larangan yang digariskan oleh agama Islam. Manakala nafsu yang buruk

adalah nafsu yang hanya mengikut kehendak fikirannya sahaja tanpa mengikut lunas-lunas agama Islam. Nafsu yang baik terbahagi kepada empat iaitu Nafsu Mutmainah, Nafsu Rodiah, Nafsu Kamaliah dan Nafsu Mardiah. Manakala nafsu buruk terbahagi kepada tiga iaitu Nafsu Amarah, Nafsu Lawwanah dan Nafsu Marhamah (Pahrol Juoi, 2011).

Seseorang manusia yang hebat adalah insan yang mampu mengawal nafsunya sendiri. Daripada nafsu itulah timbulnya sifat mazmumah seperti hasad dengki, pemaarah, takbur, suka dipuji, mencintai dunia semata-mata dan penakut. Sifat-sifat mazmumah yang lahir ini adalah disebabkan nafsu yang tidak terdidik dengan lunas-lunas agama yang betul. Menurut imam Al-Ghazali nafsu dilambangkan seperti seekor kuda yang amat liar. Jika tidak dididik kuda liar ini maka ia akan mengamuk dan akan menjatuhkan orang yang menunggangnya. Sebaliknya jika kuda itu berjaya dijinakkan kuda liar ini akan mudah untuk ditunggang mengikut arahan orang yang menunggangnya itu. Berjayanya seseorang manusia itu adalah orang yang berjaya mendidik nafsunya ke arah kebaikan. Rasulullah s.a.w juga menegaskan “ Musuh yang paling memusuhi kamu ialah nafsu yang berada di antara dua lambungmu.” (Riwayat al-Dailami). Menurut imam al-Ghazali disebabkan oleh nafsu iblis yang telah beribadat selama 80,000 tahun telah menderhaka kepada Allah kerana enggan menurut perintah Allah agar sujud kepada nabi Adam.

Dorongan nafsu yang berbeza-beza ini telah dijelaskan oleh Allah S.W.T di dalam Al-Quran. Antaranya ialah nafsu Mutmainnah yang sifatnya tenang dan bebas daripada kejahatan berdasarkan firman Allah iaitu :

وَأَدْخُلِي جَنَّتِي فَأَدْخُلِي فِي عِبَادِي , أَرْجِعِي إِلَىٰ رَبِّكِ رَاضِيَةً مَّرْضِيَّةً , يَا أَيُّهَا النَّفْسُ الْمُطْمَئِنَّةُ

Maksudnya “ Hai nafsu yang tenang, kembalilah kepada tuhanmu dengan gembira dan mengembirakan.”(Surah al-Fajr 89:27-28).

Daripada firman Allah S.W.T maka terbuktilah bahawa nafsu akan membawa seseorang manusia ke syurga atau ke neraka. Seseorang manusia yang

mempunyai nafsu yang baik akan menuju kebahagiaan dan seseorang yang mempunyai nafsu yang buruk akan menuju kesengsaraan di akhirat nanti.

1.2 Latar Belakang Masalah

Fenomena keterlibatan remaja dalam gejala sosial hari ini semakin kritikal dan ia menjadi kemelut pada permasalahan melahirkan remaja yang berwawasan. Saban hari, berita-berita tentang remaja yang ponteng, mencuri, minum arak, mengambil dadah, merogol, melakukan seks bebas, mengandung anak luar nikah, kes pembuangan bayi disiarkan di media-media tempatan. Hal ini jika tidak dibendung, akan menjadi semakin parah dan boleh menjejaskan pembangunan modal insan yang diharapkan.

Keterlibatan remaja dalam masalah ponteng di sekolah merupakan isu yang sering dibicarakan. Kajian oleh Kementerian Pelajaran Malaysia pada tahun 2007 mendapati seramai 21060 pelajar ponteng sekolah. Hasil dapatan melalui kajian yang dijalankan menunjukkan ponteng berada di tangga kedua terbanyak selepas salah laku kurang sopan, diikuti salah laku berunsur jenayah, tidak pentingkan masa, kekemasan diri, kenakalan, salah laku musnah dan salah laku berunsur kelucahan. Akibat kegiatan ponteng para remaja mereka bukan sahaja ketinggalan dalam pelajaran, malah remaja akan terlibat dengan gejala-gejala negatif seperti penyalahgunaan dadah, vandalisme, gangsterisme, minum minuman keras, seks bebas, perjudian dan melepak, (Rosniza Mohd Taha, 2007).

Remaja pada hari ini juga telah terjerumus dengan penagihan dadah. Remaja mengambil dadah dengan alasan untuk mencuba sesuatu yang baru dan beranggapan dadah dapat memberikan keseronokan kepada mereka. Mereka tidak langsung memikirkan kesan negatif najis dadah. Mereka bukan sahaja mengambil dadah tetapi ramai remaja yang terjerumus kepada pengedaran dadah. Menurut (Khaidzir Ismail 2011), menyatakan statistik polis mendapati keterlibatan

kalangan remaja dan kanak-kanak dalam jenayah seperti mencuri motor, pecah rumah, dadah, ragut, buli, rogol dan samseng jalanan adalah berpunca dari penyalahgunaan bahan seperti dadah dan alkohol yang kemudiannya mendorong mereka kepada salah laku jenayah. Semua pihak perlu bekerjasama dalam membasmi penyalahgunaan dadah dalam kalangan remaja.

Sejak akhir-akhir ini kita juga sering mendengar keterlibatan remaja dalam salah laku lucuh. Remaja pada masa kini tidak lagi takut untuk melakukan hubungan seks luar nikah. Mereka seolah-olah tidak mengetahui halal dan haram dalam setiap perbuatan mereka. Mereka hanya memikirkan keseronokan semata-mata. Akibat seks bebas yang dilakukan ramai remaja perempuan yang mengandung anak luar nikah. Situasi ini dapat dibuktikan berdasarkan statistik kes pembuangan bayi yang dikeluarkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) menunjukkan 396 kes dicatatkan dari 2005 hingga tahun 2011. Ia menunjukkan trend peningkatan walaupun ada penurunan pada tahun 2007. Sebanyak 67 kes dilaporkan pada 2005, 83 kes pada tahun 2006, 65 kes pada 2007, 102 kes pada 2008, 79 kes pada tahun 2009 dan 91 kes pada tahun 2010. Manakala pada tahun 2011, keadaan semakin parah apabila dalam bulan Januari sahaja sebanyak 34 kes buang bayi dilaporkan di akhbar-akhbar utama Malaysia. Sebilangan besar individu yang terbabit dalam kes pembuangan bayi berusia antara 18 hingga 25 tahun, 20 kes membabitkan remaja berusia bawah 18 tahun, 33 dilakukan individu 25 tahun ke atas, manakala 403 individu lagi gagal dikesan peringkat umur mereka. Daripada jumlah 396 kes buang bayi tersebut sebanyak 137 kes membabitkan pembuangan bayi lelaki dan 102 bayi perempuan dan selebihnya tidak diketahui jantinya. Selain daripada dibunuh atau dibuang, berdasarkan statistik Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bagi 2000 hingga 2008 pula, 257,000 kanak-kanak didaftarkan tidak mempunyai nama bapa. Lebih menyedihkan bagi tempoh 1999 hingga 2003 saja, 44 peratus anak yang tidak mempunyai nama bapa adalah anak orang Islam iaitu 30,978 daripada 70,430 kanak-kanak yang didaftarkan (Nadia Hamid, 2011).

Ramai dalam kalangan remaja yang dijangkiti penyakit HIV dan Aids akibat seks bebas yang menjadi amalan mereka. Mengikut statistik yang diperolehi mendapati seramai 10 orang menghidapi penyakit HIV setiap hari. Perkara ini

dibuktikan berdasarkan statistik HIV dan AIDS 2010 yang dikeluarkan oleh Unit Kawalan Penyakit, Jabatan Kesihatan Malaysia, ada peningkatan kes HIV baru sebanyak 3,652 pada tahun 2010 berbanding 3,652 pada tahun 2009. Berdasarkan kajian yang dilakukan didapati ramai orang dijangkiti HIV melalui hubungan seksual. Pada tahun 2009 sebanyak 55 peratus jangkitan HIV baru disebabkan perkongsian jarum suntikan dadah berbanding kes jangkitan melalui perhubungan seksual iaitu 31.9 peratus. Pada tahun 2010 kes jangkitan akibat perhubungan seksual menyumbang sebanyak 48.5 peratus daripada 3,652 kes jangkitan HIV baru dan perkongsian jarum dadah suntikan sebanyak 47.6 peratus saja.

Berdasarkan statistik oleh Jabatan Kesihatan Malaysia mendapati Selangor dikesan mendahului senarai utama pembawa virus HIV pada tahun 2010 iaitu 536 kes, diikuti Johor 524 kes, Kelantan 462 kes, Pahang 383 kes, Terengganu 352 kes, Kuala Lumpur 298 kes, Perak 240 kes, Sabah 196 kes, Kedah 161 kes, Sarawak 141 kes, Pulau Pinang 132 kes, Melaka 123 kes, Negeri Sembilan 85 kes dan Perlis 19 kes. Berbanding 2009, Kelantan mencatatkan kes tertinggi iaitu 596 kes, diikuti Pahang 431 kes, Selangor 378 kes, Terengganu 315 kes, Johor 243 kes, Pulau Pinang 224 kes, Kedah 176 kes, Kuala Lumpur 175 kes, Sarawak 146 kes, Perak 124 kes, Sabah 88 kes, Melaka 80 kes, Negeri Sembilan 62 kes dan Perlis 43 kes, (Nadia Hamid, 2011). Keadaan ini amat merungsingkan semua pihak. Jika permasalahan ini berterusan ia akan membawa kepada kemusnahan tamadun manusia pada suatu hari nanti. Permasalahan yang timbul ini perlu diatasi dengan segera oleh semua pihak.

Keterlibatan remaja semakin membimbangkan apabila mereka mula berani melakukan pelbagai kegiatan jenayah berat. Hal ini dibuktikan berdasarkan kajian yang dijalankan mendapati penglibatan golongan remaja yang berusia antara 15 hingga 20 tahun dalam kegiatan jenayah dilihat semakin membimbangkan apabila indeks jenayah pembabitannya mereka kini mengalami peningkatan yang drastik. Berdasarkan kajian Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (YPJM), remaja yang terlibat dalam jenayah pada usia itu meningkat sebanyak 1,947 kes atau 38 peratus sepanjang tahun 2010 berbanding 1,409 kes yang dicatatkan sepanjang tahun 2009. Lebih membimbangkan, jenayah melibatkan golongan pelajar juga meningkat separuh pada tahun 2010 iaitu 43 peratus iaitu 3,218 kes berbanding

2,242 kes pada tahun 2009. Justeru, Naib Pengerusi YPJM, Tan Sri Lee Lam Thye berkata, lebih banyak usaha melibatkan usaha membanteras jenayah di kalangan golongan ini harus diberi penekanan. Beliau menyatakan menjadi satu kebimbangan apabila golongan berusia 15 hingga 20 tahun menjadi penyumbang kepada indeks jenayah negara. Berdasarkan statistik yang dijalankan antara bentuk jenayah yang sering melibatkan remaja adalah jenayah harta benda dan kekerasan seperti rogol dan menyamun.

Oleh itu semua pihak perlu berganding bahu dalam menyelesaikan permasalahan yang dilakukan oleh remaja pada hari ini. Ibu bapa, guru-guru, masyarakat, pihak NGO dan pihak kerajaan perlu mengambil pelbagai langkah yang drastik dan berkesan dalam membasmi salah laku remaja pada hari ini. Dengan usaha yang diberikan oleh semua pihak diharapkan dapat membantu remaja-remaja kita pulang ke pangkal jalan.

1.3 Pernyataan Masalah

Remaja merupakan golongan yang amat penting di mana mereka merupakan pewaris kepada negara. Golongan remaja seharusnya dididik dengan didikan agama yang betul bagi melahirkan individu yang beriman dan berakhlak mulia. Golongan remaja adalah individu yang akan mencorakkan masa hadapan negara kita. Jika remaja tersebut menjadi individu yang berilmu dan berakhlak mulia maka negara kita akan membangun dengan jayanya dan jika remaja tersebut menjadi individu yang sebaliknya, negara kita akan mengalami kehancuran dan kemusnahan.

Sebagai contoh sejak akhir-akhir ini banyak kita dengar berkaitan dengan kehamilan luar nikah di kalangan siswazah dan remaja. Hal ini dapat dibuktikan dengan kenyataan Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), iaitu Datuk Alwi Ibrahim. Beliau telah menyatakan bahawa seramai 17,303 anak luar nikah Melayu telah didaftarkan di seluruh Negara sepanjang tahun 2009 seperti yang

dilaporkan oleh akhbar Berita Harian bertarikh 21hb Mac 2010. Menurut beliau lagi, bilangan itu meningkat 762 kes berbanding tahun sebelumnya. Pada 2008 seramai 16,541 anak luar nikah didaftarkan di JPN manakala pada 2007 seramai 16,1000. Ini bererti seramai kira-kira 65 bayi di luar nikah dilahirkan di kalangan orang Melayu. Jumlah ini tidak termasuk di kalangan kes buang bayi yang dilaporkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Walaupun laporan JPN dan JKM tidak pernah menyatakan umur sebenar ibu-ibu yang melahirkan anak di luar nikah ini, kejadian ini seharusnya sudah lebih dari cukup untuk membuka mata masyarakat umum bahawa salah laku seksual atau seks luar nikah semakin merebak termasuk di kalangan remaja Melayu. Sebahagian besar daripada mereka yang terlibat dalam gejala seks luar nikah adalah di kalangan kumpulan remaja di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan juga di sekolah menengah. Ini merupakan satu kejadian yang sangat menggerunkan kita semua.

Kewujudan masalah sosial terutamanya salah laku seksual remaja yang berlaku hari ini telah membawa kepada pelbagai persoalan serta spekulasi kepada masyarakat, sehinggakan perkara ini menjadi semakin berleluasa ke tahap yang membimbangkan kita semua terutamanya ibubapa. Sejak akhir-akhir ini kita juga sering mendengar tentang salah laku yang dilakukan oleh remaja pada hari ini. Antara salah laku ialah salah laku biadap, salah laku kurang sopan, salah laku ponteng, salah laku menipu, salah laku musnah dan salah laku lucah.

Remaja ialah generasi yang akan menentukan kemajuan dan kemakmuran sesebuah negara pada suatu hari nanti. Merekalah yang akan mencorakkan negara dengan acuan yang baik agar terus maju dan makmur berlandaskan ajaran Islam yang benar dan lurus. Oleh itu anak-anak remaja ini perlulah dididik dengan ilmu agama yang secukupnya agar ia menjadi benteng yang kukuh dalam diri mereka.

Dengan benteng yang kukuh ini remaja mampu menepis sebarang unsur-unsur negatif yang hadir disekeliling mereka.

Oleh kerana pentingnya remaja kepada negara dan bangsa kita untuk masa hadapan maka satu kajian dijalankan bagi melihat adakah permasalahan salah laku yang timbul pada hari ini disebabkan oleh nafsu remaja.

1.4 Objektif Kajian

Secara umumnya objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti pola nafs remaja dan hubungannya dengan salah laku remaja.

Secara khususnya, objektif kajian ini adalah seperti berikut :

- 1.4.1 Menenalpasti pola nafs pelajar-pelajar Sekolah Menengah di Melaka.
- 1.4.2 Megenalpasti salah laku pelajar-pelajar Sekolah Menengah di Melaka.
- 1.4.2 Menenalpasti hubungan antara pola nafs dengan salah laku pelajar-pelajar.

1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan kepada objektif 1 hingga 3, beberapa persoalan untuk kajian ini telah ditentukan dan ianya adalah seperti berikut :

- 1.5.1 Apakah pola nafs pelajar-pelajar Sekolah Menengah di Melaka.
- 1.5.2 Apakah salah laku pelajar-pelajar Sekolah Menengah di Melaka.
- 1.5.2 Adakah terdapat hubungan antara nafs dengan salah laku pelajar.

1.6 Hipotesis Kajian

Hipotesis yang dibentuk untuk mencapai objektif kajian adalah seperti berikut :

1.6.1 Terdapat hubungan yang signifikan antara pola nafs Amarah dengan salah laku pelajar.

H1 : Terdapat hubungan yang signifikan antara pola nafs Amarah dengan salah laku biadap

H2 : Terdapat hubungan yang signifikan antara pola nafs Amarah dengan salah laku kurang sopan

H3 : Terdapat hubungan yang signifikan antara pola nafs Amarah dengan salah laku musnah

H4 : Terdapat hubungan yang signifikan antara pola nafs Amarah dengan salah laku menipu

H5 : Terdapat hubungan yang signifikan antara pola nafs Amarah dengan salah laku ponteng

H6 : Terdapat hubungan yang signifikan antara pola nafs Amarah dengan salah laku lucah

1.6.2 Terdapat hubungan yang signifikan antara pola nafs Lawwanah dengan dengan salahlaku pelajar.

H1 : Terdapat hubungan yang signifikan antara pola nafs Lawwanah dengan salah laku biadap

H2 : Terdapat hubungan yang signifikan antara pola nafs Lawwanah dengan salah laku kurang sopan

H3 : Terdapat hubungan yang signifikan antara pola nafs Lawwanah dengan salah laku musnah

H4 : Terdapat hubungan yang signifikan antara pola nafs Lawwanah dengan salah laku menipu

H5 : Terdapat hubungan yang signifikan antara pola nafs Lawwanah dengan salah laku ponteng

H6 : Terdapat hubungan yang signifikan antara pola nafs Lawwanah dengan salah laku lucah

1.6.3 Terdapat hubungan yang signifikan antara pola nafs Mulhimah. dengan salah laku pelajar.

H1 : Terdapat hubungan yang signifikan antara pola nafs Nafs Mulhimah dengan salah laku biadap

H2 : Terdapat hubungan yang signifikan antara pola nafs Nafs Mulhimah dengan salah laku kurang sopan

H3 : Terdapat hubungan yang signifikan antara pola nafs Nafs Mulhimah dengan salah laku musnah

H4 : Terdapat hubungan yang signifikan antara pola nafs Mulhimah dengan salah laku menipu

H5 : Terdapat hubungan yang signifikan antara pola nafs Mulhimah dengan salah laku ponteng

H6 : Terdapat hubungan yang signifikan antara pola nafs Mulhimah dengan salah laku lucah

1.6.4 Terdapat hubungan yang signifikan antara pola nafs Mutmainnah dengan salah laku pelajar.

H1 : Terdapat hubungan yang signifikan antara pola nafs Mutmainnah salah laku biadap

H2 : Terdapat hubungan yang signifikan antara pola nafs Mutmainnah salah laku kurang sopan

H3 : Terdapat hubungan yang signifikan antara pola nafs Mutmainnah salah laku musnah

H4 : Terdapat hubungan yang signifikan antara pola nafs Mutmainnah dengan salah laku menipu

H5 : Terdapat hubungan yang signifikan antara pola nafs Mutmainnah dengan salah laku ponteng

H6 : Terdapat hubungan yang signifikan antara pola nafs Mutmainnah dengan salah laku lucah

1.6.5 Terdapat hubungan yang signifikan antara pola Nafs Rodhiah dengan salah laku pelajar.

H1 : Terdapat hubungan yang signifikan antara pola Nafs Rodhiah dengan salah laku biadap

H2 : Terdapat hubungan yang signifikan antara pola Nafs Rodhiah dengan salah laku kurang sopan

H3 : Terdapat hubungan yang signifikan antara pola Nafs Rodhiah dengan salah laku musnah





H4 : Terdapat hubungan yang signifikan antara pola nafs Rodhiah dengan salah laku menipu

H5 : Terdapat hubungan yang signifikan antara pola nafs Rodhiah dengan salah laku ponteng

H6 : Terdapat hubungan yang signifikan antara pola nafs Rodhiah dengan salah laku lucah





1.7 Kerangka Model Kajian

**PEMBOLEH UBAH TIDAK
BERSANDAR**



**PEMBOLEH UBAH
BERSANDAR**

**PEMBOLEH UBAH
BERSANDAR**



Berdasarkan Kerangka model kajian 1.7 menunjukkan dua pemboleh ubah iaitu pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah tidak bersandar. Pemboleh ubah tidak bersandar adalah faktor demografi iaitu umur, jantina, bangsa dan tinggal bersama siapa. Manakala pemboleh ubah bersandar terbahagi kepada dua. Pemboleh ubah bersandar yang pertama adalah salah laku yang terdiri daripada salah laku biadap, salah laku kurang sopan, salah laku musnah, salah laku menipu, salah laku ponteng dan salah laku lucu. Pemboleh ubah bersandar yang kedua adalah nafs yang terdiri daripada nafs Ammarah, nafs Lawwamah, nafs Mulhimah, nafs Mutmainnah dan nafs Rodhiah.

1.8 Kepentingan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk melihat pola nafs remaja dengan salah laku remaja. Kajian-kajian yang dijalankan sebelum ini kebanyakannya hanyalah melihat gaya asuhan dengan pencapaian akademik, gaya asuhan dengan tingkah laku devian. Kajian berkaitan dengan salah laku dengan pola nafs masih tidak dilakukan lagi. Oleh itu, dapatan kajian ini akan menjadi sangat berguna kepada para ibu bapa, guru-guru dan Kementerian Pelajaran Malaysia. Ianya dapat memberikan gambaran tentang realiti kehidupan remaja masa kini yang begitu terdedah kepada perbuatan salah laku atau delinkuensi. Para ibu bapa akan mengambil langkah terbaik bagi mendidik anak-anak dengan didikan agama yang sempurna. Ini adalah kerana ibu bapa adalah model terbaik kepada anak-anak. Ibu bapa yang akan mencorakkan keperibadian anak-anak mereka. Diharapkan kajian ini dapat memberikan maklumat berkaitan dengan salah laku dan pola nafs remaja pelajar tingkatan 2.

1.8.1 Pihak Sekolah

Kajian berkenaan salahlaku dan nafs ini penting untuk membantu pihak sekolah menangani masalah-masalah berkaitan dengan salahlaku di kalangan pelajar dengan lebih baik. Di samping itu ia juga dapat menyediakan atau merancang langkah-langkah dan kaedah-kaedah berupa pencegahan ataupun rawatan peringkat awal. Jika salahlaku remaja tidak diatasi dengan baik ia akan memusnahkan masa hadapan remaja pada hari ini.

1.8.2 Guru Bimbingan dan Kaunseling

Kajian ini juga sangat berguna kepada Guru Bimbingan & Kaunseling untuk membimbing pelajar-pelajar yang bermasalah sosial daripada terus terjerumus ke lembah kebinasaan. Matlamat kajian ini dilakukan adalah bertujuan untuk menjadikan remaja kita supaya seimbang dari segi rohani, jasmani, emosi dan intelektual selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Maklumat yang diperolehi dapatlah membantu guru bimbingan dan kaunseling dalam mencari pendekatan-pendekatan terbaru bagi menghalang remaja terlibat dengan gejala-gejala yang tidak sihat seperti salah laku biadap, salah laku ponteng, salah laku musnah, salah laku kurang sopan dan salah laku lucah

1.8.3 Guru-guru sekolah menengah dan rendah

Kajian ini juga penting kepada semua guru-guru dalam menjalankan tanggungjawab mereka sebagai pendidik. Guru-guru akan mempunyai maklumat berkaitan dengan punca permasalahan pelajar mereka. Perkara ini akan memberikan panduan kepada mereka dalam memberikan nasihat dan tunjuk ajar yang baik kepada semua pelajar. Panduan dan didikan daripada guru ini diharapkan dapat mencegah daripada para pelajar terlibat dengan pelbagai salahlaku.

1.8.4 Kementerian Pelajaran Malaysia

Kajian ini diharapkan dapat memberikan maklumat dan dapatan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia. Hasil dapatan yang diperolehi dapat digunakan bagi mengatasi permasalahan yang timbul kepada remaja pada hari ini. Kementerian pelajaran Malaysia bolehlah berbincang dan membuat pelbagai pengisian kepada para pelajar bagi mengelakan mereka terlibat dengan pelbagai salahlaku.

1.8.5 Kementerian Pembangunan dan Keluarga

Melalui kajian ini juga dapat memberikan faedah kepada Kementerian Pembangunan dan keluarga. Langkah-langkah pencegahan dan pemulihan dapat dilakukan oleh Kementerian Pembangunan dan Keluarga melalui program-program yang akan dilaksanakan oleh kementerian tersebut. Diharapkan kerjasama daripada kementerian dapat mencegah daripada berlakunya masalah salahlaku dalam kalangan remaja kita pada hari ini.

1.9 Skop dan Batasan Kajian

Skop kajian ini hanya menjurus kepada salahlaku remaja dan pola nafs terhadap remaja di SMKBB sahaja. Responden dalam kajian ini adalah terbatas kepada remaja tingkatan 2 sahaja. Kajian ini melibatkan salahlaku dan pola nafsu remaja tingkatan 2. Ia tidak digeneralisasikan kepada semua pelajar SMKBB. Kajian ini memperlihatkan hubungan antara salahlaku dengan nafs remaja.

1.10 Definisi konsep dan Operasional

Definisi konsep dan istilah yang jelas adalah sangat penting dalam memberi makna yang sebenar tentang ruang lingkup kajian yang dijalankan dan seterusnya amat membantu penyelidik atau pengkaji dalam membuat kajian dengan baik dan terperinci. Pendefinisian istilah yang tepat dan jelas dapat dijadikan panduan dan landasan ke arah mencapai objektif dan tujuan kajian yang sebenar.

1.10.1 Nafs

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), nafsu bermaksud keinginan yang keras, kehendak hati yang kuat, kemahuan yang kuat dan dorongan hati. Nafsu adalah keinginan semulajadi manusia yang tersirat di dalam akal fikirannya. Nafsu ialah suatu tempat berkumpulnya kekuatan amarah dan syawat iaitu keinginan dalam diri manusia. Di sinilah terkumpulnya sifat-sifat tercela dan sentiasa mendorong diri manusia ke arah kejahatan. Menurut ulama tasawuf membahagikan nafsu kepada beberapa peringkat. Ada yang membahagikan nafsu kepada tujuh bahagian, empat bahagian dan tiga bahagian.

Nafsu terbahagi kepada dua iaitu nafsu yang baik dan nafsu yang buruk. Nafsu yang baik adalah nafsu yang berlandaskan dengan hati yang nurani serta menurut perintah-perintah dan larangan-larangan yang digariskan oleh agama Islam. Manakala nafsu yang buruk adalah nafsu yang hanya mengikut kehendak fikirannya sahaja tanpa mengikut lunas-lunas agama Islam. Nafsu yang baik terbahagi kepada empat iaitu Nafsu Mutmainah, Nafsu Rodiah, Nafsu Kamaliah dan Nafsu Mardiah. Manakala nafsu buruk terbahagi kepada tiga iaitu Nafsu Amarah, Nafsu Lawwanah dan Nafsu Marhamah. (Pahrol Mohamad, 2010).

Dalam kajian ini, nafs dirujuk sebagai nafs Ammarah, nafs Lawwamah, nafs Mulhimah, nafs Mutmainnah dan nafs Rodhiah. Kelima-lima nafs ini akan dikaji terhadap remaja tingkatan 2 seramai 80 orang yang terdiri daripada remaja lelaki dan remaja perempuan.

1.10.2 Ibu bapa

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), ibu bapa bermaksud orang tua iaitu emak dan ayah. Ibu bapa merupakan golongan yang bertanggungjawab menjaga dan membesarkan anak-anak dengan sebaik mungkin. Ibu bapa seharusnya menjaga agama dan akhlak mereka bagi memikul tanggungjawab sebagai pemimpin sesebuah keluarga. Peranan dan tanggungjawab yang diamanahkan kepada ibu bapa oleh Allah adalah besar dan akan dipersoalkan kelak.

Hal ini dapat dibuktikan apabila Allah s.w.t telah menyebut tentang Luqman Al-Hakim di dalam Al-Quran. Allah telah memuliakan beliau kerana cara didikan dan gaya asuhan yang diamalkan oleh Luqman Al-Hakim. Cerita berkaitan cara didikan diceritakan dalam surah Luqman. Oleh itu dapatlah disimpulkan bahawa peranan ibu bapa adalah amat penting dalam pembentukan keluarga yang beragama dan berakhlak.

1.10.3 Remaja

Menurut Mohammad Salleh Lebar, pada masa kini istilah remaja adalah untuk jangka masadi antara 15-25 tahun, iaitu satu jangka masa yang dianggap begitu panjang. Empat puluh tahun yang lampau, jangka masa remaja boleh dikatakan pendek iaitu di antara peringkat umur 15-20 tahun sahaja. Kebanyakan remaja pada ketika itu berkahwin di sekitar umur 16-18 tahun. Tetapi pada masa kini, adalah kerana akibat perubahan gaya hidup zaman moden dan mereka terpaksa menempuh pelbagai halangan dan cabaran sebelum mendirikan rumah tangga.

Menurut Abd Majid dan Rahill Mahyuddin (2010), remaja merupakan satu zaman yang baligh dan berakhir apabila seseorang itu menjadi dewasa. Pelbagai pancaroba yang berlaku di zaman remaja ini. G. Stanley menamakan zaman

remaja sebagai zaman storm dan stress. Jadi, bolehlah dirumuskan bahawa semua tugas perkembangan zaman remaja ialah satu persediaan yang perlu untuk seseorang kanak-kanak itu menjadi orang dewasa yang berperwatakan sihat dan dinamik.

Menurut Boon Pong Ying dan Ragbir Kaur (2009), peringkat remaja adalah bermula dari umur 12-18 tahun. Pada peringkat ini kanak-kanak akan mencapai tahap kematangan akil baligh dan menyedari tentang perubahan bentuk badan mereka. Mereka akan menerima perubahan fizikal mereka dan menggunakannya dengan cara yang paling berkesan. Menurut Kathleen dan Joseph (1989), masa remaja adalah satu tempoh penanguhan psikososial, satu tempoh peralihan yang panjang di antara peringkat kanak-kanak kepada peringkat dewasa, yang mungkin ataupun tidak mungkin disambut oleh individu tersebut sebagai satu peluang untuk meneroka ke alam diri sendiri. Dengan kata lain, remaja bermaksud satu zaman peralihan dari peringkat zaman kanak-kanak ke peringkat bebas, iaitu zaman dewasa.

Zaman inilah para remaja sentiasa dicabar oleh peraturan-peraturan agama, sosial dan pembangunan. Seandainya mereka gagal mengawasi tugas-tugas perkembangan yang dilalui tersebut, maka mereka akan menghadapi masalah dan tekanan. Pepatah inggeris ada menyatakan bahawa zaman remaja adalah seperti kehidupan kupu-kupu di waktu malam yang sentiasa mencari tempat yang ada sinaran cahaya. Jadi, pada masa kini remaja akan sentiasa keluar dari rumah untuk mendapatkan hiburan dan keseronokan terutama di tempat - tempat yang menjadi tarikan orang ramai tanpa mengira waktu siang ataupun malam.

Dalam kajian ini, remaja dirujuk sebagai pelajar tingkatan dua di sebuah sekolah pinggir bandar negeri Melaka yang berumur 14 tahun dan 15 tahun. Seramai 79 orang remaja yang berumur 14 tahun dan hanya seorang yang berumur 15 tahun.

1.10.4 Salah laku

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), salahlaku bermaksud perlakuan yang dianggap tidak bermoral atau tidak beretika. Menurut Lorion, Tolan dan Wahler (1987), dalam Rohani (2006), perbuatan salah laku merujuk kepada tingkah laku yang menyimpang dari norma-norma masyarakat yang boleh menyebabkan berlakunya kesalahan disiplin atau perlakuan yang mengganggu masyarakat.

Mansor (2002) telah turut mengenalpasti bahawa faktor keruntuhan keluarga turut menyumbang kepada perlakuan remaja yang tidak menentu dan condong kearah tingkah laku delinkuen. Variabel keluarga adalah secara konsisten menjadi faktor peramal tekal dalam menentukan tingkah laku delinkuen dan anti-sosial (Mc Cord, 1991; Tolan & Loeber, 1993; Tolan, Guerra & Kendall, 1995; dalam Khadijah Rohani, 2004). Mohd Nazar Mohamad (1990) mentakrifkan tingkah laku bermasalah individu sebagai tingkah laku yang mengganggu perjalanan kehidupannya.

Menurut Robert H Woody (2008), di dalam bukunya berjudul 'The School and the Behaviour Problem Child' menyatakan semua tingkah laku di sekolah dapat diperlihatkan dalam berbagai bentuk dan ragam. Kanak-kanak tidak dapat menyesuaikan diri mereka dengan keadaan dan suasana pembelajaran. Keadaan begini selalu menjejaskan pelajaran dan keupayaan mereka untuk belajar dan berhubung dengan orang lain. Dalam konteks pendidikan, tingkah laku bermasalah merujuk kepada sebarang tingkah laku pelajar yang boleh menjejaskan kelicinan atau keberkesanan pengajaran dan pengajaran khasnya di dalam bilik darjah.

Dalam kajian ini salah laku dirujuk sebagai salah laku biadap, salah laku kurang sopan, salah laku ponteng, salah laku musnah dan salah laku lucu. Kesemua salah laku ini akan dikaji satu persatu oleh pengkaji dalam kajian ini.

1.10.5 Biadap

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), biadap bermaksud perlakuan yang tidak sopan dan bercakap kasar.

1.10.6 Kurang Sopan

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), kurang sopan bermaksud tidak hati-hati, tidak difikirkan baik-baik, kurang manis, kurang teliti, kelalaian dan kelengahan.

1.10.7 Ponteng

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), ponteng bermaksud meninggalkan tugas atau tanggungjawab, pelajaran dan lain-lain lagi tanpa kebenaran.

1.10.8 Musnah

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), musnah bermaksud binasa sama sekali, hilang lenyap dan rosak.

1.10.9 Lucah

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), lucah bermaksud hina, keji, tidak senonoh, tidak sopan.

1.11 Penutup

Dalam bab ini, penulis telah menjelaskan tentang pola nafs remaja masa zaman sekarang. Permasalahan salahlaku seksual remaja di sekolah rendah dan menengah, tujuan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian dan kerangka konsepsual kajian untuk melihat dengan lebih jelas tentang berkaitan dengan salahlaku remaja. Bab ini juga menjelaskan berkenaan dengan kepentingan kajian, batasan kajian dan definisi - definisi dalam penulisan. Bab seterusnya penulis akan menerangkan tentang kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan faktor-faktor yang menyebabkan masalah salahlaku hari ini

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim.

Azizi, Jamaludin & Yusuf. (2010). *Masalah Lepak Dalam Kalangan Remaja Melayu*: UTM Skudai

Asmah Suboh, Nurul Huda Azizi & Mascalla Hamzah (2011). *Masalah Salah Laku Agresif Di Kalangan Pelajar Sekolah Rendah dan Hubungannya Dengan Gaya Keibubapaan*. Universiti Teknologi Malaysia: Jurnal Teknologi

Aziina Komin & Wan Noor Shazalina Wan Sopian. *Kaitan Antara TingkahlakuKeibubapaan dan Pendidikan Keagamaan Dengan Moral Pelajar Remaja*.

Azizi Yahaya & Mohd Sofie Bahari.(2010). *Gaya Asuhan Ibu Bapa Remaja Terhadap Tingkah Laku* : UTM Skudai

Abu Nur Muizuddin .(2004). *Kesilapan Ibu bapa Dalam Mendidik Anak*: Jasmin EnterpriseKuala Lumpur.

Abu Saufi. (2011). *Tanggungjawab Ibubapa Muslim*. Pustaka Ilmi Selangor Darul Ehsan.

Azizi Yahya & Shahrin Hashim. (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.

Azura Md Zahari (2009). *Salahlaku Seksual Dalam Kalangan remaja Sekolah-Sekolah Menengah Daerah Johor Bharu*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana

Ismail Kamus & Mohd Azrul Azlen Ab. Hamid (2009). *Indahnya Hidup Bersyariat*.Telaga Biru Sdn Bhd.

- Firdaus Binti Ismail (2008). Persepsi Pelajar Tentang Kejadian Jenayah Terhadap Wanita. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana
- Halijah Nordin (2000). Hubungan Antara Ikatan Keibubapaan Dengan Tingkah Laku Delinkuen Remaja, *Kertas Kerja Untuk Dissertasi UM*. KL.
- Halijah Nordin (2000); Faktor-faktor Peramal Tingkah Laku Delinkuen Remaja; *Jurnal Pendidikan*. Abd. Majid Mohd Isa & Rahil Mahyuddin. (1997). Psikologi Pendidikan 1 : *Pertumbuhan dan Perkembangan*. Petaling Jaya : Longman Malaysia Sdn.Bhd.
- Halijah Nordin (2004). Seks Bebas : Kesan Terhadap Aspek Fizikal Dan Mental Pelaku. *Kertas Kerja yang dibentangkan dalam Konvensyen Memerangi Gejala Sosial Dalam Era Dunia Tanpa Sempadan: Peranan Pemimpin Masyarakat*. Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga. KL
- Johari Bin Hassan (2008). Faktor-faktor Yang Menyebabkan Masalah Ponteng Sekolah Di Sekolah Menengah Daerah Kulajaya, Johor. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana
- Kamus Dewan (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mascilla Hamzah (2008). Masalah Salah Laku Agresif Di Kalangan Pelajar Sekolah rendah Dan Hubungannya Dengan Gaya Keibubapaan. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana
- Norazmah Mohamad Roslan (2009). Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Remaja Terlibat Dalam Masalah Sosial Di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana
- Nor Shelida Mohd Nor (2010). Pola Nafs Dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam Di Sekolah-Sekolah Menengah Daerah Kota Tinggi Johor. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana

- Rohani Che Hashim. (2006). Hubungan Antara Ikatan Ibu Bapa Dengan Salah Laku Remaja Tingkatan 4. Universiti Malaya: Tesis Sarjana Syed Mahazir Bin Shariff Ahmad (2008). *7 Penyakit Hati. Pustaka Azhar: JohorBahru*
- Siti Nur Huda Sulaiman (2008). Persepsi Pelajar Tentang Kejadian Jenayah Terhadap Kanak-kanak. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana
- Suriyati Supaat (2000). Masalah Sosial Di Kalangan Pelajar-pelajar Sekolah Menengah Di Kawasan Felda (Tinjauan Di Dua Buah Sekolah Di Daerah Muar). Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana
- Surandran Chelladury (2008). Punca Berlakunya Ponteng Sekolah di Sjk (T) Jalan Hj. Manan, Kluang, Johor. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana
- Sangadah @ Sa'adah (2009). Pola Kecenderungan Perlakuan Seksual Dalam Kalangan remaja Sekolah Menengah Daerah Kulaijaya. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana
- Saidi Bin Daud (2008). Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Masalah Disiplin Di Kalangan pelajar-Pelajar Sekolah Menengah Di Sekitar Daerah Klang Selangor. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Boon Pong Ying & Ragbir Kaur. 1998. Psikologi 1 (*semester 1*). Shah Alam : Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Sheikh Musa Ahmad Olga. (2009). Pesona Didik Anak Cara Sunnah: Pustaka Azhar Johor Bahru.
- Sidek Mohd Noh (2002). *Reka Bentuk Penyelidikan Falsafah Teori dan Praktis*. Universiti Putra Malaysia Serdang.
- Vinothini Krishnan (2008). Perhubungan Antara Ponteng Sekolah, Kelas Dan Kurikulum Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar Sekolah Menengah Daerah Skudai,johor Bahru. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana

Wan Noor Shazalina Wan Sopian. (2010). *Kaitan Antara Tingkahlaku Keibubapaan dan Pendidikan Keagamaan Dengan Moral Pelajar Remaja.*

Zainab Tambol. (2002). Hubungan Cara Gaya Keibubapaan Dengan Salahlaku seksual Remaja Perempuan Taman Seri Puteri. UPM Skudai: Tesis Sarjana

Gaya Asuhan Iubapa dan Hubungannya Dengan Disiplin Pelajar.

<http://www.scribd.com/doc/14532608/Hubungan-Antara-Gaya-Asuhan-Iubapa-Dengan-Disiplin-Pelajarbaru>

Definisi Remaja. Diperoleh April 2, 2011 daripada

<http://www.scribd.com/doc/18989654/Definisi-Remaja>